

**PENGURUSAN ISLAMI: APLIKASI IHSAN DAN INSAN.** Oleh Sidek Baba, Kuala Lumpur, Technowlogic Tranding Sdn Bhd. 2012. Hlm.117. ISBN 978-967-10419-2-5.

Pengurusan Islami difahamkan sebagai suatu proses penyempurnaan amanah. Pengurusan itu adalah suatu taklif yang menuntut ketampilan nilai dan etika yang Islami supaya gelagat dan pekerti pengurusan dipandu oleh daya keihsanan yang tinggi. Ihsan dan Insan menjadi faktor penting dalam merialisasikan maksud sebenar Pengurusan Islami. Kerana dalam islam, pengurusan yang berteraskan konsep Ihsan dan Insan ini tidak sahaja keberkatan Allah diperolehi tetapi manfaat kepada manusia dan organisasi dapat turut dirasai.

Keihsanan membawa maksud hubungan rohaniah yang tinggi dengan Allah SWT yang memberi pedoman amali yang baik menepati maksud ayat Al-Quran di dalam surah al-Asr “orang-orang yang beriman itu melakukan amal soleh”. Amal soleh yang dipandu oleh nilai-nilai amanah, adil, jujur, ikhlas, telus, dan tulus menjadi faktor yang amat utama yang memberikan keberkatan di dalam sesebuah pengurusan. Pengurusan Islami menghubungkan produktiviti sebagai sumber amal yang membawa pahala dan potensi sebagai sumber jihad yang merintis perubahan dalam sesebuah pengurusan. Permasalahan dan kepincangan yang sering berlaku dalam sesebuah organisasi kini apabila dilihat, adalah berpunca daripada kebanyakannya tidak mengetengahkan dan mengabaikan konsep Ihsan dan Insan ini dalam teras sesebuah organisasi itu sendiri.

Oleh itu, buku “Pengurusan Islami: Aplikasi Ihsan dan Insan” yang ditulis oleh Prof. Dato’ Dr. Sidek Baba yang juga seorang ahli akademik berpangkat Profesor dalam bidang Pendidikan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, berkongsi ilmu pengetahuan kepada pembaca dalam menghubungkan asas pengurusan Islam yang menjadikan landasan ihsan dan insan sebagai tunjang. Malah, secara tidak langsung memperlihatkan kepada pembaca bahawa pengurusan konvensional yang sering digunakan kini tidak menjadikan nilai dan etika Ilahiah sebagai sandaran utama.

Allah SWT menjadikan alam sejagat ini berasaskan sunnah-Nya. Allah yang Maha segala mengaturkan alam ini atas ketertiban dan keteraturan yang tinggi. Bagi manusia yang sering mengkaji dan melakukan penyelidikan, kebesaran Allah menjadikan dan mentadbirkan alam dengan segala isinya mendekati hakikat diri insan dengan Pencipta. Begitulah konsep hakiki dan menjadi bab pertama yang dibawa oleh penulis dalam buku ini, bagaimana beliau menjelaskan hakikat sunnatullah dan fitrah insan dengan mendatangkan contoh-contoh yang dekat dengan diri kita sebagai hamba di atas muka bumi tidak dapat lari daripada hakikat fitrah insan itu sendiri.

Penulis menggambarkan bagaimana Allah SWT menjadikan air, udara, tanah, angin, api, hujan, panas, dan lain-lain sebagai sumber kehidupan (h.3). Sifat air dijadikan sebagai minuman, menghilangkan dahaga, membersihkan pakaian, menyuburkan tumbuh-tumbuhan. Sifat udara menghasilkan pergerakan, penafasan, menghidupkan yang bernyawa. Sifat angin amat penting

bagi mengimbangi kepanasan dan kesejukan, memberi keselesaan kepada manusia dan makhluk yang lain dalam menghadapi persekitaran. Begitu juga dengan konsep insan yang pada fitrahnya harus tunduk, patuh, akur, dan taat kepada penciptanya (h.4). Oleh itu, Allah SWT mengatur manusia dengan menurunkan wahyu-Nya, menjadikan Nabi-Nabi dan para Rasul untuk memberi khabar gembira dan peringatan di samping menjadi contoh ke arah fitrah kerana proses meneladani manusia oleh manusia adalah suatu fitrah dan Rasul dihantar adalah untuk memberi rahmat bagi sekalian alam.

Di dalam buku ini juga, penulis memperlihatkan bagaimana jalinan hubungan dengan Allah SWT menemukan ihsan Pencipta kepada hamba dan makhluk (h.7). Hakikat ini memberikan asas tunduk, patuh, dan taat supaya wujud kesalingan yang harmoni antara ihsan Allah SWT kepada hambanya dan makhluk dan ihsan hamba sesama hamba dan ihsan hamba terhadap makhluk. Selain itu, penulis menunjukkan bentuk-bentuk ihsan Allah SWT kepada kita selaku hamba seperti, bagaimana Allah SWT mewujudkan jiwa kehambaan yang memerlukan khalifah dalam melakukan pengurusan terhadap sistem dan persekitaran. Peranan khalifah ini memberikan asas amanah supaya diri dapat diurus dengan baik dan sistem dapat diurus dengan sempurna.

Peristiwa yang terpancar menerusi media elektronik dan cetak kini umpamanya menjadi asbab utama dan membawa kesan kepada pengaruh membentuk minda dan gaya hidup. Tanpa asas nilai, etika dan ilmu untuk menjadi penyaring terhadap apa yang tersebar tidak mungkin seseorang mampu memberikan pertimbangan yang baik dan buruk terhadap sesuatu. Ini yang cuba diketengahkan oleh penulis bagaimana untuk mencari makna perubahan yang fitrah (h.11). Di dalam Islam, akidah dan tauhid menjadi sumber kekuatan dalam pembangunan insan. Oleh itu, asas kemajuan bermula dengan pembangunan diri insan supaya pandangan atau tasawurnya serta kerangka fikirannya sentiasa terbina untuk meningkatkan kemajuan dan memberi makna kepada pembangunan atas landasan fitrah. Dengan memahami makruf dan mungkar, salah dan benar, halal dan haram akan sesuatu perkara berkait rapat dengan nilai-nilai dari sumber Al-Quran. Nilai-nilai Al-Quran inilah yang menjadi ukur tara sesuatu hubungan dengan Allah sebagai Pencipta dan Pengurus alam semesta ini.

Selain itu, di dalam buku *Pengurusan Islami: Aplikasi Ihsan dan Insan* ini turut menunjukkan kepentingan nilai utama dalam hidup yang sentiasa menjadikan konsep taqwa sebagai landasannya (h.23). Ada rasa ketuhanan yang wujud dalam diri insan yang menyebabkan apa sahaja yang dilakukan dalam hidup ini mengambil pertimbangan salah dan benar, dosa serta pahala. Dengan itu, pola-pola tingkah laku insan terhubung dengan pertimbangan sebagai hamba-Nya iaitu asas patuh, taat, akur, dan tunduk sentiasa dijadikan pertimbangan dan pedoman. Ini yang membezakan resam hidup orang yang beragama dengan yang tidak beragama. Malah, sesetengah kemajuan yang dirasakan oleh manusia pada hari ini lebih banyak menumpukan kepada kelazatan dunia yang terbina atas dorongan kebendaan semata, nafsu yang melulu, dan selera semasa yang meninggalkan kesan-kesan melalaikan dan menjauhkan manusia dari Pencipta.

Selain itu, penulis turut memperjelaskan tentang falsafah pengurusan dalam Islam dengan menyatakan bahawa pengurusan dalam Islam adalah sesuatu tanggungjawab dan dihubungkan sebagai satu amanah (h.32). Pengurusan dalam Islam sebenarnya bukanlah sekadar kerja, malah falsafah kerja dalam Islam berkait rapat dengan beberapa asas utama. Antaranya ialah, kerja yang dilaksanakan adalah kerana Allah SWT. Keikhlasan menjadi kunci utama dalam melakukan sesuatu apatah lagi jika keikhlasan itu terhubung dengan Allah SWT. Selain itu, konsep cara kerja individu untuk organisasi menunjukkan pentingnya jiwa bersama dalam menggembelng supaya sesebuah organisasi itu menjadi lebih kuat dan mantap. Penekanan tentang konsep kerja dengan amanah hasilnya adalah ibadah, kerja dengan cemerlang pahalanya gemilang, kerja yang bermanfaat hasilnya berkat adalah salah satu penekanan yang dibawa oleh penulis yang membuka minda dan menyedarkan pembaca bahawa segala bentuk pengurusan itu mampu bernilai ibadah.

Di dalam bab ke-5 juga, penulis turut memperkenalkan satu teori yang yang boleh diterimapakai di dalam pengurusan Islami yang dikenali sebagai “Teori I” (h.60). “Teori I” ini mengambil dimensi IHSAN dalam hubungan menegaknya dengan Allah SWT dan INSAN dalam hubungan merentasannya dengan diri, organisasi dan sistem. Keihsanan dalam pengertian agama membawa makna walaupun kita tidak melihat Allah SWT tetapi Allah SWT melihat dan mengetahui apa yang kita lakukan. Keihsanan dalam melakukan sedekah dan amal ibarat seperti tangan yang memberi, tangan kiri tidak mengetahui. Amal tersebut memperlihatkan adanya sifat ikhlas. Keihsanan juga dikaitkan dengan amanah dan tanggungjawab. Begitu pula dengan keinsanan dalam pengertian agama yang membawa maksud tanggungjawab dan penyempurnaan amanah. Jika sekiranya insan itu sendiri dapat melakukan tanggungjawab sebaiknya kepada Allah SWT berasaskan rasa keihsanan yang tinggi, secara tidak langsung insan akan memiliki tanggungjawab penyempurnaan amanah supaya diri, organisasi, sumber dan sistem terurus dengan baik dan hikmahnya kepada manusia akan lebih sempurna bertunjangan daya keihsanan yang mantap.

Pelbagai bentuk saranan yang dibawa oleh penulis kepada pembaca dalam menghadapi cabaran globalisasi ini, pertamanya umat Islam harus bijaksana dalam memahami kesan positif dan negatif hasil dari fenomena ini (h.73). Dengan memiliki ilmu dan keterampilan untuk membangunkan corak perisian dan maklumat yang selari acuan yang membangunkan martabat insan bukannya sebahagian maklumat yang boleh merosakkan minda dan hati budi insan. Kedua, umat Islam harus mempunyai keutamaan dalam menentukan pelbagai masalah dan kerenah yang sedang dihadapi (h.74). Antara keutamaan yang harus menjadi asas perjuangan umat ialah keperluan kepimpinan dan pengikut yang baik, pembangunan sumber tenaga yang berkualiti, pembangunan ekonomi yang seimbang. Begitu pula dengan saranan penulis yang keempat dan kelima adalah, harus membeli fokus atau tumpuan dalam siri keutamaan yang ada dan usaha yang tersusun rapi bagi membawa perubahan ke arah yang dirancangan. Dalam menuntut sumber tenaga manusia yang relevan dengan zaman, asas akhlak dan etika perlu dititik beratkan memulakan pembangunan insani yang seutuhnya.

Pada akhir-akhir perbincangan di dalam buku ini, penulis turut mengetengahkan modul-modul lain yang boleh diterapkan dalam Pengurusan Islami. Pertama, modul PATT. Modul ini adalah akronim atau singkatan kepada konsep PATUH, AKUR, TUNDUK, TAAT (h.83). Konsep ini berkait rapat dengan proses pembangunan dan pengekalan fitrah insan. Insan tidak hanya terbangun dengan potensi yang sudah sedia ada tetapi memerlukan pendekatan dan cara fitrah untuk membentuk diri supaya potensi itu terus berkembang dan terpelihara. Semakin cemerlang sesebuah organisasi, semakin banyak manfaat yang akan diraih oleh pekerja sama ada pemimpin mahupun pengikut. Apatah lagi jika kita menghubungkan lima peringatan Rasulullah SAW sebagai sumber amal ibadah dalam konteks IHSAN dan INSAN, ia akan menjadikan manusia muslim, mukmin, atau muhsin sentiasa patuh, akur, tunduk, dan taat terhadap peringatan untuk kebaikan di dunia dan juga di akhirat.

Kedua, modul MahMaz. Mahmaz ini adalah singkatan daripada dua istilah yang berkait rapat dengan sifat-sifat manusia iaitu sifat *mahmudah* dan *mazmumah* (h.107). Sifat-sifat ini selalu ada pada pekerja mahupun pengurus. Apabila manusia berada dalam fitrah diri, sifat-sifat *mahmudah* sentiasa menjadi amalan dan apabila manusia berada di luar fitrah diri maka sifat-sifat *mazmumah* pula menjadi penggantinya. Ada masanya juga, manusia memiliki kedua-dua sifat tersebut bergantung pada situasi dan kondisi. Bagi sesebuah organisasi perkhidmatan, pengurusan dan koporat, sifat-sifat *mahmudah* menjadi aset dan menyumbang ke arah kualiti dan produktiviti. Sebaliknya, apabila sifat-sifat *mazmumah* berkembang dalam sesebuah organisasi, ia menjadi beban atau liabiliti dan tidak menyumbang ke arah peningkatan kualiti dan produktiviti.

Ketiga, modul NOPEN. Ini adalah akronim atau singkatan daripada perkataan Niat, Objektif, Proses, dan Natijah. Keempat-empat perkataan itu menjadi prasyarat untuk menggabungkan kerja atau pengurusan sebagai ibadah (h.111). Modul ini boleh menjadi sumber rujukan dan panduan bagi kita menentukan sama ada hasil usaha setiap hari hanya sekadar kerja biasa atau kerja itu ada hubung kaitnya dengan ibadah dan amal soleh. Sekiranya pertimbangan niat, objektif, proses dan natijah menjadi landasan pertimbangan dalam kerja kita, asas ini boleh mengekalkan kita dalam keadaan fitrah dan membantu matlamat menjadikan kerja sebagai sumber ibadah.

Keseluruhannya, buku *Pengurusan Islami: Aplikasi Ihsan dan Insan* ini adalah sebuah buku yang membantu umat Islam khususnya dalam menerapkan nilai Ihsan dan Insan dalam kehidupan kerana dengan pemantapan kedua-dua nilai tersebut dapatlah diterapkan dalam sesebuah organisasi yang dikelolai mahupun yang mengelolai. Berbagai bentuk mahupun contoh-contoh hakiki yang penulis bawakan kepada pembaca antaranya memahami peringatan Rasulullah SAW kepada manusia tentang kepentingan menjaga masa seperti, masa hidup kamu sebelum datangnya kematian, masa sihat sebelum datangnya penyakit, masa lapang sebelum datangnya kesibukan, masa muda sebelum tibanya tua, dan masa kaya sebelum datangnya fakir (h.103). Peringatan Rasulullah ini amat berkait rapat dengan peranan insan sepanjang hayatnya.

Manusia harus menilai dengan potensi akal, rohani, dan jasmani sepanjang kehidupannya sama ada dia telah memanfaatkan tugasnya ke arah kebaikan ataupun sebaliknya.

Dalam konteks organisasi pengurusan dan koporat, peringatan Rasulullah SAW itu sebagai satu isyarat yang kuat supaya manusia menggunakan masa semaksimum dan sebijaksana mungkin supaya penglibatannya sebagai pengurus atau pekerja memberi faedah terbaik sebelum manusia menemui ajal. Kesihatan yang ada tidak dibazirkan begitu sahaja sehigga timbul penyesalam kemudian. Badan yang sihat, pemikiran yang sihat, dan rohani yang sihat adalah prasyarat tangkasnya diri dalam melaksanakan sesuatu tanggungjawab.

Apa yang menariknya buku ini adalah bagaimana pendekatan-pendekatan yang diketengahkan oleh penulis bagi menyedarkan pembaca khususnya, memahami hakikat insani yang wujud asalnya dari keihsanan Allah kepada hamba-Nya. Dan kesedaran inilah yang membantu pembaca mempraktikkannya di dalam sesebuah organisasi baik pengurus mahupun pekerja. Mungkin gaya bahasa yang agak tinggi digunakan oleh penulis, namun ianya tetap mampu difahami oleh pembaca. Sebagai penambahbaikan, berkemungkinan ada pihak-pihak yang berminat dalam meneruskan kajian tentang keberkesanan mengaplikasi konsep Ihsan dan Insan ini di dalam pengurusan Islami, hendaklah membawakan contoh-contoh ataupun permasalahan-permasalahan yang wujud secara realitinya yang dihadapi dalam sesebuah organisasi. Ini bukan sahaja membawa faedah kepada penulis malah menjadi satu pandu arah buat sesebuah organisasi yang menginginkan panduan dalam merialisasikan sistem Pengurusan Islam yang sebenar.

**Dr. Zulkefli bin Aini**

Pensyarah Kanan

Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan

Fakulti Pengajian Islam

Universiti Kebangsaan Malaysia